

**SIRAH RASULULLAH UNTUK DAKWAH.** Oleh Wan Muhammad Wan Ibrahim. 2025. Brightside Solutions Sdn Bhd: Selangor. Halaman 114. ISBN 978-96712462-9-0

Buku yang berjudul Sirah Rasulullah Untuk Dakwah telah ditulis oleh Wan Muhammad Wan Ibrahim. Beliau dilahirkan di Petaling Jaya Selangor pada 20 Februari 1981 dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Al-Amin Kuala Lumpur serta meneruskan peringkat menengah di Sekolah Menengah Al-Amin Gombak. Seterusnya, beliau menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Muda Komunikasi Massa di UiTM Shah Alam. Beliau kini berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Komunikasi Korporat dan kelestarian Hidayah Centre Foundation (HCF). Sepanjang bersama HCF beliau telah menyertai pelbagai program dakwah di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak, selain mempunyai pengalaman membuat perkongsian di beberapa buah negara luar seperti Indonesia, Turki, Korea Selatan, Jepun, Australia, Poland dan Timur Leste. Selain daripada Hidayah Cente Foundation beliau juga aktif dalam beberapa organisasi lain seperti Gabungan Dakwah Malaysia, Pertubuhan IKRAM Malaysia, Pertubuhan Kebajikan Hidayahku Malaysia, Regional Development Community Berhad, Pusat Pendidikan Al-Amin Berhad dan Pusat Akademi Al-Amin Berhad. Lebih menarik lagi, beliau telah menjelajah banyak negara untuk berdakwah di samping membukukan coretan perjalanan beliau untuk dibaca oleh masyarakat. Beliau juga telah berkahwin dan mempunyai lima orang cahaya mata dan sangat dikagumi kerana telah mengajak ramai yang bukan Islam terpaut dengan keindahan Islam seterusnya mengucap dua kalimah syahadah.

Pada Tahun 2012, penulis telah menulis empat buah buku iaitu Wahai Pemuda...., Orikan Ibadah kita, Takutilah Allah.. Hindari Zina!, Bertemu berpisah kerana Allah dan Bahagiakan Hidup dengan Bersedekah. Pada tahun 2021, penulis telah menulis sebuah buku bertajuk Aku Dakwah dan Dunia Pengalaman Kembara di 15 buah Negara. Hasil rentetan daripada naskah tersebut, penulis telah menerbitkan buku yang bertajuk Aku dan Dakwah Ibrah dan Hikmah Kembara (2023) yang merupakan kesinambungan buku Aku, Dakwah dan Dunia. Sebelum ini penulis berkongsi catatan 15 buah negara yang setiap satunya memberikan pengalaman tersendiri. Namun terdapat penulisan penulis yang tidak sempat untuk dibukukan dalam buku Aku, Dakwah dan Dunia. Oleh yang demikian penulis menyiapkan buku Aku dan Dakwah agar setiap pengetahuan, ibrah dan pengajaran khususnya berkaitan Dakwah diperoleh melalui siri kembara dapat diadaptasi oleh masyarakat secara keseluruhannya. Pada tahun 2025 pula penulis telah membuat kesinambungan dengan menulis buku berjudul Sirah Rasulullah untuk Dakwah. Buku ini mempunyai 114 halaman bercetak yang diterbitkan oleh Brightside Solutions Sdn Bhd.

Buku Sirah Rasulullah untuk Dakwah ini menelusuri 13 tahun pertama kenabian, ujian-ujian dalam kehidupan Rasulullah SAW dan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku pada fasa dakwah Rasulullah SAW di Mekah. Terdapat 10 bab yang dinukilkan antaranya bertemu pendeta Nasrani, Abu Lahab yang binasa, sahabat buta pencetus wahyu, elit penentang kewujudan akhirat, Raja Habsyah yang saksama, Al-Quran melemahkan Umar, pemergian pelindung dakawah Nabi, tragedi menyayat hati di Taif, Muhammad bukan fedofil dan bab yang terakhir adalah perjalanan yang menggemparkan.

Pada era Jahiliah terdapat dua kuasa besar iaitu Rom dan Parsi yang mengutip hasil kutipan cukai tidak munasabah kepada rakyat mereka. Walaupun kedua-dua wilayah ini mempunyai jajahan yang luas, namun Rom dan Parsi saling berperang di antara satu sama lain dan mereka

tidak berhajat untuk menakluk Semenanjung Arab kerana ketika itu tanah Arab dikatakan kawasan yang gersang, tandus dan kering serta cuaca yang sangat panas dan tidak memberi apa-apa keuntungan.

Ketika Nabi Muhammad SAW berumur 40 tahun, baginda telah didatangi Malaikat Jibril AS yang menyampaikan wahyu dan selepas itu Nabi Muhammad SAW berasa takut dan gementar dan pulang ke rumah lalu menceritakan kepada Saidatina Khadijah RA Lalu Saidatina Khadijah RA membawa Nabi Muhammad SAW kepada sepupunya iaitu Waraqah Bin Naufal yang merupakan seorang pendeta Nasrani yang sudah tua dan buta. Waraqah bin Naufal merupakan seorang yang sangat menguasai kitab Taurat dan Injil. Beliau menyatakan kepada Nabi Muhammad SAW bahawa orang yang berjumpa dengan baginda itu adalah orang yang pernah menyampaikan wahyu kepada Nabi Musa AS di Bukit Tursina (Jaafar 2020). Waraqah bin Naufal juga mengingatkan bahawa Nabi Muhammad SAW akan dimusuhi selepas ini (Wan Muhammad, 2025). Waraqah juga pernah melawat Raja Habsyah selepas ekspedisi ketenteraan Abrahah menentang Mekah dan beliau meninggalkan Mekah menuju ke Syria untuk mencari agama yang benar dan menerima agama Kristian (Muhammad, 2021). Terdapat para Orientalis yang menyatakan bahawa ajaran Islam bersumberkan ajaran Kristian dengan menuduh Rasulullah SAW belajar daripada pendeta Nasrani yang bernama Buhaira seperti mana dalam buku *Geshichte des Qurans*. Umat Kristian berpuasa Advent iaitu berpuasa 40 hari sebelum sambutan Krismas manakala umat Islam berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadan. Hari kebesaran umat Islam adalah hari Jumaat manakala hari kebesaran umat Kristian adalah hari Ahad. Realitinya, pertemuan Buhaira dan Nabi Muhammad SAW sangat singkat ketika baginda Nabi Muhammad SAW berumur 12 tahun sedangkan Nabi Muhammad mendapat wahyu ketika berumur 40 tahun (Wan Muhammad, 2025).

Bab yang kedua bertajuk Abu Lahab yang binasa menceritakan mengenai tentangan hebat Abu Lahab kepada Rasulullah SAW. Nama sebenar Abu Lahab ialah Abdul Uzza bin Abdul Muttalib yang bermaksud kerugian dan kecaman di mana isterinya adalah Arwa binti Harb (MZ et al., 2024). Beliau sering mengikuti Rasulullah SAW pada musim haji dan mengeluarkan kata-kata dusta serta penghinaan sehingga pernah memukul Rasulullah SAW. Isteri Abu Lahab yang diberi gelaran Ummu Jamil juga selalu meletakkan duri di laluan perjalanan Rasulullah SAW serta rumah baginda. Disebabkan itu Allah memberi panggilan kepada isteri Abu Lahab dengan Perempuan pemungkah kayu api. Walaupun Abu Lahab merupakan bapa saudara nabi Muhammad SAW namun Abu Lahab mengambil pendirian tegas terhadap anak saudaranya iaitu Nabi Muhammad SAW kerana Abu Lahab mengikut ajaran nenek moyang dan menentang keras terhadap keadilan sosial, advokasi kesaksamaan manusia dan kepercayaan terhadap kehidupan akhirat (Oflaz, 2020). Terdapat riwayat yang menyatakan anak-anak Abu Lahab tidak dapat menyelamatkan Abu Lahab daripada diri yang hina dunia dan akhirat. Anak-anaknya juga tidak dapat merawat Abu Lahab daripada penyakit yang mengerikan sehingga kematiannya tidak diuruskan oleh anak-anaknya. Mereka merasa malu kerana mayat ayahnya telah berbau dan akhirnya terpaksa menguruskannya. Manakala isteri Abu Lahab pula mempunyai seutas kalung amat mewah sehingga sanggup menggadaikan kalung tersebut untuk memusuhi Nabi Muhammad SAW (Muttaqin R. & Salasabila A., 2023).

Sahabat buta pencetus wahyu dalam bab 3 Buku Sirah Rasulullah untuk Dakwah ini mengisahkan berkenaan Abdullah bin Ummu Maktum. Nama sebenar beliau adalah Abdullah bin Qais bin Zaidah atau dipanggil 'Amr bin Qais. Beliau adalah golongan pertama yang memeluk Islam. Ketika Rasulullah SAW berdakwah kepada pembesar-pembesar Quraisy

antaranya Utbah bin Rabi'ah, Syaibah bin Rabi'ah, Abu Jahal, Umayyah bin Khalaf dan Walid al-Mughirah tiba-tiba Abdullah bin Ummy Maktum meminta Rasulullah SAW mengajarnya tentang ayat al-Quran dan Rasulullah SAW berpaling dan meneruskan dakwah baginda kepada pembesar Quraisy. Maka turunlah Surah Abasa untuk menegur keadaan Rasulullah SAW (Wan Muhammad, 2025). Walaupun Abdullah bin Ummy Maktum tidak dapat melihat keadaan Rasulullah SAW namun peringatan dari Allah melalui wahyu yang diturunkan memberi penekanan terhadap kebersamaan dalam masyarakat walaupun berkeperluan khas (Juliyana et al., 2024).

Bab 4 berkisar mengenai elit penentang kewujudan akhirat. Kisah Ubay bin Khalaf melakar sejarah di mana beliau adalah saudara kandung kepada Umayyah bin Khalaf iaitu majikan kepada Bilal bin Rabah. Ubay bin Khalaf adalah seorang ahli perniagaan yang ternama dan beranggapan bahawa dakwah Rasulullah SAW telah mengganggu kedudukannya di Mekah. Hal ini menyebabkan beliau sering memepersoalkan isu kewujudan hari akhirat dan hasratnya untuk membunuh Rasulullah SAW dengan menunggang kuda (Wan Muhammad, 2025). Namun ketika Perang Uhud, Ubay bin Khalaf telah menunggang kuda dengan memakai baju perisai. Para sahabat Rasulullah SAW memintas Ubay bin Khalaf dan berhasrat untuk membunuhnya namun ditahan oleh Rasulullah SAW dan apabila Ubay bin Khalaf mendekati Rasulullah SAW, maka Rasulullah terus mengambil tombak daripada sahabatnya iaitu al-Harith bin As-Simma dan menusuk tombak tersebut di celah perisai Ubay bin Khalaf hingga menyebabkan luka dan membawa maut. Manusia yang lupa jati diri dan dari mana mereka berasal akan menjadi orang yang sombong dan angkuh serta meninggi diri. Justeru manusia seperti ini akan menjadi penentang tuhan walaupun asalnya mereka adalah daripada *nutfah* (Abidin A.Z. et al., 2024).

Raja Habsyah yang saksama telah memelopori bab 5 Buku Sirah Rasulullah untuk dakwah. Pada tahun kelima kenabian umat Islam telah diperintahkan untuk berhijrah ke Habsyah kerana penyeksaan dan penderaan fizikal yang dilakukan daripada kaum Musyrikin Quraisy. Raja Habsyah ketika itu digelar dengan Raja Najasyi beragama Nasrani yang berada di bawah empayar Rom Timur (Byzantine). Beliau adalah seorang raja yang adil dan saksama. Ketika mana Jaafar bin Abu Talib menjadi jurucakap kepada Raja Najasyi beliau telah mengalunkan surah Maryam sehingga mengalir air mata Raja Najasyi dan beliau telah membenarkan umat Islam hidup di bawah perlindungannya (Wan Muhammad, 2025). Rasulullah SAW telah mengiktiraf kebaikan orang bukan Islam dengan lemah lembut dan sopan santun contohnya Raja Najasyi dalam interaksi dengan golongan bukan Muslim walaupun wujud dalam kalangan mereka yang dianggap musuh (Nurhanisah & Siti Nur Balqis, 2023). Rasulullah SAW juga pernah meminta Raja Najasyi mewakili baginda melamar Ummu Habibah Ramlah binti Abu Sufyan menjadi isteri kerana ketika itu Ummu Habibah menderita kesusahan disebabkan telah berpisah dengan suaminya yang murtad dan memeluk agama Nasrani.

Bab 6 mengisahkan mengenai Al-Quran melemahkan Umar. Umar al-Khattab ketika mana beliau belum memeluk Islam, beliau telah berazam untuk membunuh Rasulullah SAW namun di pertengahan jalan terdapat orang yang menyatakan bahawa adiknya Fatimah telah memeluk Islam dan beliau terus ke rumah adiknya dan mendapati bahawa Fatimah dan suaminya iaitu Said bin Zaid sedang mengalunkan bacaan Surah Taha yang membuatkan Umar al-Khattab merasa takjub sehingga memeluk Islam (Wan Muhammad 2025). Pengislaman Umar al-Khattab ini membuatkan umat Islam dapat beribadah secara terbuka. Aspek pendidikan, politik,

agama, sosio budaya pula telah mencapai kemajuan dengan kebijaksanaan, ketegasan serta kelembutan hatinya terhadap rakyat (Abdi et al., 2025).

Dalam bab 7 buku Sirah Rasulullah untuk Dakwah menelusuri pemergian pelindung dakwah nabi iaitu tahun ke-10 kenabian baginda yang telah kehilangan dua orang yang amat rapat. Beliau ialah Abu Talib iaitu bapa saudara baginda dan Saidatina Khadijah Binti Khuwailid ra. isteri baginda yang meninggal dunia selepas dua bulan kematian Abu Talib (Wan Muhammad, 2025). Komunikasi Rasulullah SAW dalam keluarga berlandaskan nilai-nilai Islam bukan sahaja membentuk hubungan yang harmoni dan kasih sayang malah menjadi asas pendekatan komunikasi dakwah. Walaupun Abu Talib tidak memeluk Islam namun Rasulullah SAW menziarahinya ketika mana beliau sakit dan mendoakan kebaikan di samping mengajak Abu Talib memeluk agama Islam dengan *qawl makrufa* (Mohd Kadri D. S. 2024). Rasulullah SAW bermonogami selama 25 tahun sebelum baginda berpoligami (13 tahun) di mana Rasulullah SAW tidak pernah berkahwin lain sepanjang hayat baginda hidup bersama Saidatina Khadijah RA sehinggalah Saidatina Khadijah RA meninggal dunia. Sifat dermawan, kesabaran, kesetiaan, keadilan Saidatina Khadijah RA adalah contoh tauladan kepada semua isteri untuk menyokong dan membantu jalan dakwah dengan harta dan semangat yang tidak putus walaupun perniagaan beliau pernah diboikot (Fitri Nurul Ulya et al., 2025).

Bab 8 membincangkan tragedi menyayat hati di Taif apabila Rasulullah SAW membuat keputusan untuk pergi ke sana. Taif merupakan kota kedua terbesar di Semenanjung Arab selepas Mekah. Ujian yang menimpa Rasulullah di Taif sangat dahsyat kerana baginda telah dikasari secara fizikal oleh Bani Thaqif yang mengupah kanak-kanak melontar batu ke arah Rasulullah SAW dan Zaid bin Harithah (Wan Muhammad, 2025). Ketika mana Utbah bin Rani'ah melihat Rasulullah SAW berteduh di sebuah pohon anggur dalam keadaan menahan kesakitan, Utbah merasa sangat kasihan dan mengarahkan hambanya iaitu Addas untuk menghantar anggur kepada baginda. Utbah dan Syaibah adalah seorang pembesar yang berpengaruh di Mekah. Walaupun mereka menentang ajaran Rasulullah SAW namun sifat empati terhadap Rasulullah SAW sangat tinggi (Ahmad Sanusi, 2012).

Bab 9 membawa pembaca mengenai Muhammad bukan fedofil. Terdapat salah satu isu yang dimainkan oleh orang yang menentang Islam iaitu pernikahan baginda dengan Saidatina Aisyah RA kerana menikahinya ketika di bawah umur. Antara kelebihan Saidatina Aisyah RA adalah beliau banyak meriwayatkan hadis sehingga Imam Bukhari turut mengakui bakat Saidatina Aisyah RA (Anis, A & Sulfikar K., 2025). Sebelum Saidatina Aisyah RA berkahwin dengan Rasulullah SAW beliau telah dilamar oleh Mut'im bin 'Adiy untuk anaknya Jubir namun pernikahan tersebut tidak berlaku kerana Jubir enggan memeluk Islam. Hal ini jelas menyatakan bahawa budaya Arab pada waktu itu tidak menghalang perkahwinan pada usia kanak-kanak (Wan Muhammad, 2025).

Bab terakhir memberi input mengenai perjalanan yang menggemparkan iaitu peristiwa Israk Mikraj. Melalui bab ini, terdapat beberapa isi penting antaranya perspektif pembinaan diri sebagai seorang pendakwah, semangat menyampaikan mesej Islam, *mehnah* dan cabaran dalam usaha dakwah serta persiapan dari segi ilmu untuk meneruskan perjuangan Islam. Kisah Rasulullah SAW di langit pertama hingga langit ketujuh menjadi Tumpuan selain daripada peristiwa *Sidrah al- Muntaha*. Selain itu, kisah Rasulullah SAW bertemu dengan Malaikat Jibril AS dan peristiwa baginda di Masjid al-Aqsa serta pensyariatan solat menambahkan keimanan dan keyakinan kepada umat Islam yang mendengarnya (Wahyu Hidayat et al., 2022).

Buku Sirah Rasulullah Untuk Dakwah ini banyak memberi pengajaran kepada pembaca yang ingin menelusuri Sirah Dakwah yang mana setiap bab dalam kandungan buku ini terdapat satu topik khusus menceritakan tentang pengajaran untuk dakwah dan pengajaran dalam Sirah Rasulullah SAW. Buku ini juga menggarap beberapa isi penting yang menjadi polimik bagi sesetengah orang Arab Quraisy. Terdapat ramai nama-nama sahabat yang diketengahkan untuk pembaca mengetahui keistimewaan setiap perjuangan Rasulullah SAW ada bersamanya sahabat yang dijamin Syurga. Selain itu interaksi bersama bukan Islam juga diketengahkan supaya masyarakat mengambil tahu berkenaan isu dakwah non-Muslim untuk diadaptasi kepada masyarakat kini. Sedikit penambahbaikan dalam buku ini adalah saiz tulisan yang tidak sama contohnya pada halaman 69 yang mana perenggan dimulakan dengan mesej ketiga dan sebagai seorang Muslim tersebut didapati tidak sama dengan saiz tulisan lain. Walau bagaimanapun buku ini sesuai dibaca kepada semua lapisan masyarakat yang beragama Islam untuk memelopori dakwah Rasulullah SAW.

## RUJUKAN

- Abdi Syahputra Ritonga, A. R., Tanjung, A. R., Alfiansyah, M., Gustiawan, F., & Zaki, M. L. (2025). Model kepemimpinan pada masa Khalifah Umar bin Khattab. *El-Bayyinah Jurnal Ilmu Hukum dan Humaniora*, 1(2), 102-115. <https://journal.tabayanu.com/index.php/elbayyinah/article/view/165>
- Abidin, A. Z., Rofiah, K., & Abidin, A. Z. (2024). Analisis tematik kata *al-insan* (manusia) yang diiringi dengan sifat-sifat tercela dalam Al-Qur'an. *Hamalatul Qur'an Jurnal Ilmu-Ilmu al-Quran*, 5(2), 701-719. <https://doi.org/10.37985/hq.v5i2.267>
- Ahmad Sanusi Azmi. (2012). Keraguan terhadap keaslian Al-Quran: Penelitian terhadap teori informan. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 25, 83-98.
- Anis, A., & Sulfikar, K. (2025). Pernikahan Nabi Muhammad SAW (Analisis histori dan sosiologis). *Jurnal Mimbar: Media Intelektual Muslim dan Bimbingan Rohani*, 11(2), 86-101. <https://doi.org/10.47435/mimbar.v11i2.4223>
- Fitri Nurul Ulya, Mukromin, & Yusuf Amin Nugroho. (2025). Nilai-nilai pendidikan akhlak dalam buku "The golden stories of Khadijah" karya Badiatul Roziqin. *REFLEKTIF Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan*, 2(1), 33-45. <https://journal-edu.org/index.php/jr/article/view/34>
- Jaafar Najmadin Ali Gwani. (2020). The migration of the Prophet Muhammad (PUH) between good tiding of Waraqa Ibn Nawfal and the Bible. *Zanco Journal of Human Sciences*, 24(5), 180-191. <https://doi.org/10.21271/zjhs.24.5.12>
- Juliyana Junaidi, Latifah Abdul Majid, & Mohd Arif Nazri. (2024). How the Prophet empowered the people with special needs. *BITARA International Journal of Civilization Studies and Human Sciences*, 7(2), 154-168. <https://www.bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/494>
- Mohd Kadri, D. S., Ismail, A., & Osman, K. (2024). Komunikasi dakwah Rasulullah SAW terhadap keluarga. *International Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 4(2), 1-21. <https://doi.org/10.61465/jurnalyadim.v4.214>
- Muhammad Islam. (2021). The concept of the Injil in Hadith literature: An analytical study. *Hamdard Islamicus*, 41(1-2).
- Muttaqin, R., & Salsabila, A. (2023). Mengungkap pesan di balik kisah Abu Lahab dalam Al-Quran Surah Al-Lahab (111): 1-5 Kajian semiotika Michael Riffatere. *Suhuf*, 16(2), 441-461.

- MZ, I. N., Rohmatika, A., & Hidayah, N. (2024). The meaning and symbolism of Surah al-Lahab from the perspective of Roland Barthes semiotics. *Journal of Arabic Language and Literature (ALLAIS)*, 3(2), 63-77. <https://doi.org/10.22515/allais.v3i2.10122>
- Nurhanisah Senin, & Siti Nurbalqis Baharuddin. (2023). Qudwah Nabawiyah dalam interaksi dengan bukan Muslim. *Journal Hadis*, 13(26), 86-95.
- Oflaz, A. (2020). Abu Leheb ve Hz. Peygamber ile olan munasebetleri. *Cumhuriyet Ilahiyat Dergisi*, 24(1), 167-185. <https://doi.org/10.18505/cuid.685277>
- Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Rozaimi Ramle, & Mohamad Najib Norani. (2022). Penggunaan hadis-hadis mardud dalam ceramah peristiwa Israk dan Mikraj di Negeri Melaka. *Journal Hadis*, 12(23), 12-24. <https://doi.org/10.53840/hadis.v12i23.166>
- Wan Muhammad Wan Ibrahim. (2025). *Sirah Rasulullah untuk dakwah*. Brighside Solutions Sdn Bhd.

**Suhaila binti Sharil**

Pensyarah

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Rembau

**Siti Zaleha binti Ibrahim**

Pensyarah

Jabatan Kefahaman Islam dan Bahasa Arab

Fakulti Sains Sosial

Universiti Islam Selangor (UIS)

**Mohd Faisal Md Noor**

Pensyarah

Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM)

Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Cawangan Negeri Sembilan

Kampus Rembau